



### Didik anak-anak menyimpan

- ⊙ Mengajar anak-anak dengan fungsi wang.
- ⊙ Galakkan mereka menabung sehingga menjadi keseronokan berbanding berbelanja.
- ⊙ Didik mereka supaya disiplin mencatat perbelanjaan.
- ⊙ Tetapkan perbelanjaan untuk keperluan saja.
- ⊙ Latih mereka menguruskan wang saku mereka (keluar masuk duit).
- ⊙ Ajar mereka merancang masa depan menerusi hasil tabungan. Misalnya menggunakan wang simpanan dengan membeli emas.

Oleh Rashidah Ilmi Abd Rahim  
rasyiqah@bh.com.my

**D**alam kegawatan ekonomi kini, perbelanjaan keluarga turut dikawal dan dihadkan. Keadaan lebih membebaskan apabila harga barang naik lebih tinggi berbanding peningkatan pendapatan.

Selain ibu bapa, anak juga harus mengatur perbelanjaan supaya tidak membazir dan mengelak daripada membeli barangan tidak perlu.

Bagaimanapun, cabaran pengurusan wang ketika ini lebih besar berbanding sebelum ini. Pengurusan kewangan juga sudah menjadi sebahagian daripada aktiviti rutin kanak-kanak.

Ini dibuktikan menerusi kajian yang dijalankan Jabatan Penyelidikan Pengguna dan Pengurusan Sumber, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penyelidikan mendapati kanak-kanak mula menjana pendapatan dan meminjam wang dalam kalangan mereka.

### Generasi muda lemah urus wang

Fakta ini menunjukkan pemahaman generasi muda mengenai kemahiran pengurusan wang masih lemah kerana mereka masih belum dapat membezakan antara keperluan dan kehendak.

Masalah ini berlanjutan apabila mereka sering dimanjakan ibu bapa yang melayan kehendak anak-anak. Ibu bapa kurang memberi kesedaran kepada mereka mengenai pentingnya pengurusan wang secara berkesan.

Ibu bapa perlu memberi penerangan mengenai masalah yang dihadapi seperti tiada kenaikan gaji, insentif yang dikurangkan dan peningkatan harga barangan asas, terutama makanan.

Kenaikan itu perlu dimaklumkan kepada anak supaya mereka mendapat gambaran awal keadaan ekonomi keluarga. Peningkatan harga barang itu menyebabkan pendapatan yang dahulunya dianggap besar sekarang bertukar menjadi sederhana.

Apabila anak faham, mereka lebih menghargai apa yang ada di sekeliling mereka. Mereka tidak bersikap meminta melampaui apa yang termampu dilakukan ibu bapa.

### Menabung sejak kecil

Didik anak menabung sejak kecil kerana tabiat ini bukan saja penyelamat ketika negara sedang gawat tetapi membantu diri sendiri.

Walaupun ibu bapa mampu tetapi jangan terlalu mengikut kehendak anak, biar susah sedikit untuk mendapat apa yang mereka mahu.

Kesusahan itu secara tidak langsung menjadikan anak tadi lebih menghargai apa yang diberikan.

Menyokong usaha memupuk kesedaran pengurusan wang pada usia muda, syarikat berteraskan perbankan dan insurans, Allianz Malaysia memperkenalkan



program bimbingan pengurusan wang My Finance Coach.

Program dilaksanakan

bagian pengurusan kewangan dan tanggungjawab sosial syarikat perbankan berkenaan Alli-

anz4Good.

Program yang diperkenalkan dua tahun lalu bertujuan meningkatkan kefa-

haman kewangan dalam kalangan kanak-kanak berusia antara 11 hingga 18 tahun.

### Bimbingan asas pengurusan kewangan

Ketua Bahagian Allianz4Good, Allianz Malaysia, Ng Siew Gek, berkata program itu bermatlamat menyesuaikan kumpulan umur dengan isu kewangan supaya boleh membantu mereka membuat keputusan kewangan pada masa ini dan hadapan.

"Program ini menyediakan bahan pengajaran yang disediakan di bawah bimbingan pakar ekonomi dan pendidikan.

"Setakat ini kami sudah mempunyai lebih 200 pembimbing kewangan untuk mengajar golongan muda mengenai kemahiran pengurusan wang asas seperti membeli mengikut keperluan dan kehendak," katanya.

# Bimbing anak menabung

» Jadikan aktiviti menyimpan lebih menyeronokkan berbanding berbelanja